

PENYULUH BUAT PENUNTUT: Syarah Peringatan Penuntut Bagi Adab-Adab Menuntut oleh Ayman al-Akiti. 2021. Galeri Ilmu: Petaling Jaya. Halaman 158. ISBN 978-983-097-926-7

Pengenalan

Buku ini merupakan terjemahan dan syarahan kepada salah satu karya Kiyai Ahmad Maysur Sindi Al-Turnisi Al-Indunisi bertajuk *Tanbih al-Muta'allim fi Adab al-Ta'allum*. Kiyai Ahmad Mansur merupakan salah seorang ulama besar di Kediri, Jawa Timur, Indonesia yang mengarang pelbagai kitab dalam bentuk syair-syair Arab termasuk karya ini. *Tanbih al-Muta'allim fi Adab al-Ta'allum* merupakan sebuah *manzumah* yang mengandungi 77 bait syair dalam bahasa Arab menjelaskan tentang perkara berkait dengan menuntut ilmu khususnya adab yang mesti dilazimi bagi seorang penuntut ilmu.

Penterjemah memilih kitab ini untuk diterjemah dan disyarahkan kerana beliau berpandangan kitab ini lebih kecil dan ringkas berbanding kitab *Ta'lim al-Muta'allim* yang jauh lebih tua sedangkan kitab *Tanbih al-Muta'allim* ini mengandungi pelbagai faedah yang tidak ada dalam kitab-kitab adab lain. Maka, dengan penterjemahan ke dalam bahasa Melayu berserta syarahan yang dilakukan, penterjemah berharap kitab ini dapat diketengahkan kepada khalayak masyarakat Malaysia khususnya.

Keistimewaan buku

Dari segi persembahan, buku ini mempunyai kulit yang baik dan menarik, saiz dan bentuk tulisan yang dipilih juga kemas dan memudahkan pembaca untuk merujuk sama ada teks Arab maupun terjemahannya. Teks Arab diberaskan dengan baik dan menggunakan bentuk tulisan yang mesra pembaca. Selain itu, panduan transliterasi turut diberikan bagi memudahkan para pembaca mengenal pasti penggunaan kalimah Arab dalam kitab ini. Buku ini juga mempunyai banyak nota kaki yang menjelaskan sumber rujukan yang digunakan oleh penterjemah untuk mensyarahkan bait syair.

Termasuk dalam keunikan buku ialah dari segi menunjukkan ketelusan penterjemahnya. Keizinan daripada anak kepada penulis telah dinyatakan di awal buku menyebabkan para pembaca dapat meyakini susur galur atau sumber karya terjemahan ini. Buku ini juga mempunyai kekuatan dari segi penyampaiannya dengan bahasa yang mudah difahami oleh para pembaca. Selain itu, persoalan adab yang dibincangkan tidak hanya menyentuh dari segi zahir seperti hubungan antara murid dengan guru dan sesama murid sahaja tetapi juga menekankan kepentingan menjaga hati.

Ulasan kandungan bab

Pada bahagian awal penulisan, terdapat kata pengantar yang ditulis oleh anak pengarang asal kitab iaitu KH Irfan Hamid Maysur sebagai bukti sokongan kepada usaha penterjemahan dan syarahan Ayman al-Akiti ini. Beliau turut menzahirkan harapannya agar kitab ini dapat menjadi

wasilah kepada para pelajar memperolehi ilmu yang berkat dan bermanfaat apabila adab yang dibincangkan menjadi amalan para pelajar agama.

Kemudian, turut disertakan biografi Kiyai Haji Ahmad Mansur Sindi al-Turnisi bagi memperkenalkan kepada para pembaca pengarang asal Tanbih al-Muta'allim sebelum memperhalusi penulisannya. Ini merupakan perkara yang sangat baik kerana para pembaca dapat mengenali latar belakang Kiyai serta sumbangannya yang luas dalam bidang ilmu. Ulaman yang mendapat pendidikan sepenuhnya daripada pelbagai pondok di Indonesia ini banyak menghasilkan penulisan khususnya dalam bidang *fiqh* dan *usul al-fiqh*.

Secara keseluruhan, karya ini mengandungi 14 bahagian yang menukilkan matan asal kitab sebelum terjemahan dan syarahnya. Dinyatakan bahawa kitab Tanbih al-Muta'allim ini sebenarnya merupakan syair olahan Kiyai Hashim al-Ash'ari, guru kepada Kiyai Haji Ahmad Mansur Sindi. Syair ini disalin dan diberi tajuk Tanbih al-Muta'allim agar boleh disebarluaskan dan diajarkan kepada para pelajar. Kaedah pengajaran juga dijelaskan iaitu dengan menghafaz lafaz dan maknanya. Para guru juga diingatkan kewajipan mereka untuk mendidik para pelajar dengan adab. Setelah itu, dikemukakan pendahuluan bait syair yang berupa pujian kepada Allah SWT serta selawat ke atas Nabi yang mulia iaitu Rasulullah SAW sebelum menegaskan kepentingan adab bagi setiap Muslim khususnya para penuntut ilmu.

Pada bahagian pertama, pengarang (*nazim*) telah menyatakan bahawa terdapat dua hukum jahil iaitu jahil yang diuzurkan dan jahil yang tidak diuzurkan. Pembahagian ini disyarahkan oleh penterjemah iaitu jahil yang diuzurkan atau dimaafkan bermaksud orang yang tidak mengetahui hukum atau perkara fardu ain lalu tidak melaksanakan kewajipannya kerana kejahilan diri. Golongan ini tidak dianggap berdosa sekiranya mempunyai alasan yang diizinkan oleh syarak seperti tinggal jauh daripada para ulama atau baru memeluk Islam. Keadaan ini berbeza dengan jahil yang tidak dimaafkan iaitu mereka yang jahil atas sebab seperti cuai dan tidak mencari ilmu untuk sesuatu hukum berkaitan perkara yang wajib diketahui secara langsung ketika seseorang itu baligh.

Usaha untuk mencari ilmu turut diperincikan oleh pengarang dengan menyatakan bahawa jarak yang jauh tidak menjadi alasan selagi perjalanan untuk menuntut ilmu itu tidak melibatkan perkara darurat seperti membahayakan nyawa. Selain itu, ketiadaan biaya juga tidak dianggap sebagai satu alasan untuk tidak menuntut ilmu. Malah, seseorang diwajibkan mencari hutang yang boleh dibayar secara ansuran bagi tujuan itu. Sekiranya, tiada hutang yang boleh dibayar ansuran maka hal ini dimaafkan. Begitu juga jika dia mempunyai lebihan harta maka dia wajib menjualnya demi menuntut ilmu agama. Kewajipan ini juga diletakkan ke atas ibubapa dalam memastikan anak mereka mendapat ilmu agama terutama ibubapa yang tidak memiliki asas ilmu agama yang cukup.

Justeru, penterjemah sangat menggalakkan agar anak-anak dihantar ke institusi pondok yang mengikuti manhaj akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah Asha'irah dan Maturidiyyah, menggunakan kitab-kitab turath yang ditulis oleh ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah, menerapkan sistem pendidikan tradisional seperti hafazan, bersemuka antara guru dan murid (*talaqqi*), tempoh waktu yang lama dan memberi tumpuan kepada ilmu alat seperti nahu, *saraf*, *usul al-fiqh*, *mantiq* berdasarkan kitab turath.

Pada bahagian kedua, pengarang membincangkan tentang kewajipan menuntut ilmu sama ada sebagai seorang alim, penuntut mahupun pendengar ilmu. Mukallaf yang tidak menjadi salah satu daripada golongan ini akan dikira berdosa kerana enggan menuntut ilmu bagi perkara-perkara yang wajib diketahui oleh seorang Muslim. Sehubungan itu, dalam bahagian ketiga pengarang menjelaskan enam syarat bagi seorang penuntut ilmu iaitu kecerdikan, gemar mendapatkan ilmu, biaya menuntut ilmu, tetap bersabar dalam menuntut ilmu, mendapatkan petunjuk daripada seorang guru dan menempuh waktu yang lama. Penterjemah menegaskan bahawa enam ciri ini merupakan kunci untuk mendapatkan ilmu yang bermanfaat seperti pandangan para ulama lain seperti Imam al-Shafii.

Kecerdikan yang dimaksudkan ialah mempunyai akal yang sempurna dan tidak gila, keinginan yang kuat pula penting bagi memastikan penuntut ilmu kekal bermotivasi, begitu juga biaya merupakan elemen penting bagi para penuntut ilmu. Biaya yang mencukupi membolehkan mereka menumpukan perhatian kepada ilmu dan bukan urusan dunia yang lain. Di atas semua syarat ini adanya satu yang utama ialah sabar. Semua cabaran dan ujian belajar dapat ditempuh hanya dengan sabar dan pertolongan dari Allah SWT. Bagi mendapatkan ilmu, seseorang perlu kepada petunjuk guru kerana pada guru bukan sahaja ada ilmu tetapi juga berperanan sebagai pendidik akhlak para pelajarnya. Para penuntut ilmu juga perlu sedar bahawa proses pembelajaran ilmu agama memerlukan masa yang panjang. Oleh itu, para ibubapa juga perlu menguatkan semangat untuk menghantar anak-anak menuntut ilmu dalam tempoh yang lama kerana mengharapkan mereka pulang membawa ilmu bermanfaat.

Pada bahagian keempat, pengarang menjelaskan adab-adab sebelum menghadiri pengajian iaitu berwuduk, memakai pakaian yang bersih dan suci, memakai minyak wangi, bersiwak dan datang dalam keadaan segak serta kemas. Hikmahnya ialah ilmu dan wuduk merupakan cahaya. Maka, dengan berwuduk, ia akan menjadikan ilmu semakin bersinar kerana apabila dua cahaya ini bersatu menatijahkan sinaran berganda. Seorang penuntut ilmu juga perlu mempersiapkan diri dengan kelengkapan belajar yang sesuai dengan keadaan majlis ilmu atau sekolah bagi menunjukkan kesungguhan dalam mendapatkan ilmu.

Setelah itu, perbincangan diteruskan dengan adab-adab dalam majlis ilmu dalam bahagian kelima. Pengarang menyenaraikan antara adabnya ialah duduk dalam keadaan tenang dan mempunyai rasa segan, kagum dan takut dengan gurunya supaya sifat sompong dan takabbur terhindar daripada diri penuntut ilmu. Dua sifat ini merupakan penghalang daripada mendapat keberkatan ilmu. Penuntut ilmu juga perlu duduk dalam keadaan berhadapan dengan guru kerana guru merupakan sumber ilmu. Termasuk dalam adab juga ialah memulakan pelajaran dengan membaca basmalah, hamdalah, selawat dan berdoa memohon taufiq daripada Allah SWT. Penuntut ilmu juga mesti mendengar ajaran gurunya dan mencatat segala isi-isi penting dalam kitab. Kaedah mencatat ini disebut sebagai *dabit* kitab dalam pengajian pondok tradisional Alam Melayu. Ia merupakan salah satu gaya memberi makna dan rumus pada kitab-kitab Arab supaya posisi *i'rab* dapat diberikan bagi teks yang dibaca oleh guru.

Pada bab seterusnya, pengarang membincangkan adab-adab setelah bersurai daripada majlis ilmu iaitu mengulangkaji pelajaran dan hafazan serta mempersiapkan diri dengan tajuk yang bakal dipelajari pada sesi kuliah seterusnya. Amalan mengulangkaji membantu pelajar untuk memahami dan menghafaz ilmu secara lebih efektif. Ia juga menyediakan pelajar untuk kuliah

seterusnya. Penekanan untuk bersedia ini lebih kritikal bagi penuntut ilmu yang diamanahkan untuk membentangkan pelajaran di hadapan guru dan rakan-rakan lain.

Bab selanjutnya pengarang menjelaskan seorang penuntut ilmu perlu mengamalkan adab pada dirinya sendiri iaitu berakhhlak mulia dan sentiasa berusaha untuk menjadi lebih baik dengan menyucikan jiwa daripada akhlak-akhlak keji dan sifat tercela. Tanpa jiwa yang suci, ilmu agama yang diperolehi itu menjadi sia-sia dan tidak dapat menyelamatkan seseorang di akhirat kerana matlamat taqwa tidak dicapai. Selain itu, penuntut ilmu mesti memastikan kehalalan sumber makanan, pakaian dan peralatannya. Ini juga faktor yang menyumbang kepada kesucian hati dan kejernihan fikiran. Adab yang lain mesti diperhatikan ialah tidak mengenyangkan perut dengan makanan, bersederhana dalam perkara harus, menjauhi dosa, tidak berbual kosong, tidak berjalan-jalan, tidak merokok, tidak merasa sompong, mengamalkan hidup zuhud, sentiasa berada dalam keadaan suci daripada hadas, memperbanyak membaca al-Quran secara tartil, memelihara solat fardu secara berjemaah sekurang-kurangnya 40 hari berturut-turut. Seorang penuntut ilmu juga perlu mempunyai sikap merendah diri dan ikhlas hati dalam menuntut ilmu. Maka, mereka sentiasa bersifat *qana'ah* (merasa cukup) dengan makanan dan pakaian yang sederhana, bersabar dengan kesusahan hidup serta berkhidmat untuk ilmu. Kesemua adab yang dinyatakan ini tidak lain tidak bukan bagi memelihara hati para penuntut ilmu dan menjaga perlakuan mereka daripada perkara sia-sia dan membawa kepada kelalaian daripada ilmu.

Perbincangan diteruskan dalam bab kelapan berkenaan adab penuntut ilmu bersama ibu bapa. Berbakti kepada ibubapa merupakan satu kewajipan bagi setiap Muslim. Ia boleh dilakukan dengan cara mendoakan mereka dan menghadiahkan pahala bacaan kepada mereka setelah mereka meninggal dunia. Manakala pada bab kesembilan, diutarakan berkaitan adab penuntut ilmu bersama gurunya. Penuntut ilmu hendaklah bersungguh-sungguh mencadangkan redha gurunya dan menghindarkan kemarahannya. Kemarahan atau rasa tidak selesa para guru menyebabkan para penuntut ilmu terhalang daripada mendapat manfaat ilmu. Antara caranya ialah merendah diri di hadapan guru dan meminta izinnya jika tidak dapat hadir ke kelas pengajian. Penghormatan kepada guru ini adalah disebabkan oleh keagungan ilmu itu sendiri. Sebagai timbal balas kepada sikap rendah diri para penuntut ilmu, para guru juga wajib untuk bersikap tawaduk dan berlemah lembut terhadap para pelajarnya.

Setelah itu, dalam bab kesepuluh terdapat adab-adab penuntut dengan ilmu. Ia merangkumi kesungguhan dalam mendapatkan ilmu, menguasai ilmu alat iaitu bahasa Arab, membincangkan ilmu dengan ahlinya, menghafaz ilmu, mengurus masa dengan baik, berdisiplin, tidak malas dan bosan, berjaga malam untuk mengulangkaji pelajaran, bertahan dengan kepayahan menuntut ilmu, sentiasa membetulkan niat menuntut ilmu hanya kerana Allah SWT, mengamalkan ilmunya seperti ilmu ibadah, ilmu adab dan ilmu berkaitan kelebihan amal (*fada'il al-a'mal*), mengajarkannya, mengambil pengajaran daripada ilmu dan ikhlas dalam menuntut ilmu.

Penuntut ilmu juga perlu sedar bahawa mereka tidak sepatutnya hanya bergantung kepada penulisan dan ceramah sahaja. Jika berpegang kepada dua kaedah ini, maka seseorang itu hanya mencapai darjah pendengar ilmu dan bukan penuntut ilmu. Justeru, seorang penuntut ilmu perlu tahu bahawa dia perlukan usaha yang lebih daripada sekadar membaca buku dan mendengar syarahan. Penterjemah juga berulang kali menegaskan pentingnya para penuntut ilmu agama

bermula daripada usia muda. Ia berkait dengan panjangnya tempoh yang diperlukan untuk belajar agama, keperluan kepada hafazan yang banyak serta kurangnya tanggungjawab dan urusan dunia lain pada usia muda berbanding usia lanjut. Ini kerana sebagai penuntut ilmu, terdapat banyak tanggungjawab yang perlu digalas. Selain usaha seperti hadir kelas, menghafaz ilmu, menjaga adab, penuntut ilmu juga perlu menyucikan hati, mengamalkan ilmu, menguasai banyak disiplin ilmu, mengajarkannya kepada orang lain serta tetap terus menambahkan ilmu dan menulisnya.

Bab seterusnya menyatakan bahawa nikmat yang paling sempurna bagi guru dan murid tertakluk kepada beberapa sifat. Seorang murid akan dapat nikmatnya apabila mempunyai guru yang sabar, tawaduk dan berakhhlak baik. Manakala guru akan mendapat nikmatnya jika mempunyai murid yang cerdik, beradab dan mudah faham ilmu. Penterjemah turut menyenaraikan empat sifat yang wahib disyukuri oleh seorang penuntut ilmu ialah apabila dia mendapat kecerdasan yang murni, tabiat yang baik, kesungguhan yang baik dan guru yang membimbing. Dalam bab yang terakhir sebelum penutup, pengarang menegaskan terdapat tujuh ilmu yang wajib dipelajari sebagai alat iaitu ilmu bahasa Arab, ilmu *balaghah*, ilmu mantiq, ilmu bahasa, ilmu ‘*arud*, ilmu matematik dan ilmu sejarah.

Manakala ilmu lain yang mesti dikuasai melalui ilmu alat ini ialah ilmu *usul al-din* yang mengandungi akidah agama berasaskan dalil yakin, ilmu fiqh kerana dengannya keabsahan amalan agama ditentukan, ilmu *usul al-fiqh* bagi mengetahui kaedah pengambilan dalil fiqh, ilmu tarekat tasawuf yang bertujuan untuk melakukan ibadah semata-mata kerana Allah SWT seperti yang dilakukan oleh Rasulullah SAW, ilmu perubatan bertujuan untuk menjaga kesihatan badan, ilmu *qiraat* bagi mengetahui kaedah bacaan al-Quran gaya ahli al-Quran, ilmu tafsir bagi mengetahui makna kalam Allah SWT, ilmu hadis dan mustalah hadis bagi mengetahui segala riwayat yang disandarkan kepada Rasulullah SAW.

Kesemua ilmu ini perlu dikuasai oleh seorang penuntut ilmu agar menjadi pakar dalam ilmu-ilmu Islam yang mengamalkan ilmunya lagi bertakwa. Tidak wajar seorang penuntut ilmu hanya menumpukan perhatian kepada satu bidang ilmu dan mengabaikan yang lain. Apatah lagi jika dia cuba berhujah pada bidang ilmu yang tidak dikuasainya lalu menyesatkan dan mengkafirkkan orang lain.

Sebagai penutup, pengarang mencadangkan agar setiap penuntut ilmu menghafaz sekurang-kurangnya satu matan bagi setiap bidang ilmu dengan memastikan matan yang dipilih itu adalah yang paling lengkap dalam menghuraikan bidang ilmu tersebut. Justeru, pengarang turut menyenaraikan 13 buah matan mewakili bidang ilmu yang berbeza bagi memudahkan para penuntut ilmu khususnya di Nusantara ke arah menjadi ulama yang mahir dalam pelbagai bidang. Akhirnya, pengarang menitipkan petua agar tidak mudah lupa dan dua buah doa penerang hati sebagai amalan kepada para penuntut ilmu.

Nilai tambah dan impak buku

Buku terjemahan ini merupakan usaha yang sangat baik untuk mendekatkan masyarakat awam dengan khazanah ulama terdahulu. Tambahan pula, buku asal ditulis dalam bahasa Arab. Maka, dengan usaha penterjemahan ini ia membantu pembaca mengenali penulis asal dan mengambil intipati berharga daripada penulisan beliau. Perbincangan berkaitan adab sebagai penuntut ilmu

juga bukan sesuatu yang asing daripada masyarakat awam malah ia perlu diperkenalkan kepada khalayak sejak usia sekolah rendah lagi. Sebagai pelajar, mereka perlu tahu tentang adab dalam menuntut ilmu supaya ilmu yang dipelajari memberi kesan kepada diri mereka. Tambahan pula, buku ini memberikan panduan yang praktikal dan mudah kepada para pelajar agama.

Nazneen binti Ismail

Jabatan Dakwah dan Usuluddin

Fakulti Pengajian Peradaban Islam

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor